

PERAKAUNAN ZAKAT TERHADAP MANFAAT BERUPA BARANGAN (*BENEFIT IN KIND*) DI MALAYSIA

Zakat Accounting of Benefit in Kind in Malaysia

ZAHRI BIN HAMAT
NURUL ILYANA MUHD ADNAN

ABSTRAK

Manual Pengurusan Pengiraan Zakat yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2008 menyebut zakat pendapatan penggajian merangkumi penggajian, elaun dan apa-apa pendapatan yang berkaitan dengan penggajian. Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) turut menyebut pendapatan penggajian meliputi apa-apa yang diterima berkaitan dengan penggajian. Namun begitu tidak semua apa-apa yang diterima berkaitan dengan penggajian itu diwajibkan zakat. Hal ini termasuklah manfaat berupa barang (benefit in kind). Manfaat berupa barang (MBB) adalah manfaat yang diterima oleh pekerja seperti kemudahan kenderaan, penginapan, kelengkapan perabut dan peralatan dapur, bagaimanapun manfaat itu tidak boleh ditukarkan kepada wang. Berdasarkan analisis kandungan terhadap data primer dan data sekunder, kertas ini cuba menjawab tiga persoalan berikut. Pertama, apakah MBB termasuk dalam kategori apa-apa yang diterima berkaitan dengan penggajian? Kedua, mengapakah MBB sepatutnya diwajibkan zakat pendapatan penggajian? Ketiga, bagaimanakah pula perakaunan zakat penggajian terhadap MBB itu dibuat berdasarkan amalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri?

Kata kunci: Perakaunan zakat, Penggajian, Fatwa, Manfaat Berupa Barang, Zakat

ABSTRACT

The manual of calculation of alms giving published by the department of waqf and Hajj (JAWHAR) in 2008 mentioned that alms giving of payroll income includes payroll, allowances and whatever payrolls related to incomes. The fatwa issued by the Council of Islamic State (MAIN) also states that payroll incomes include any incomes received related to payroll. However, not all of it is required to pay the alms giving. This includes benefit in kind. The benefit in kind is a benefit received by workers such as vehicle facilities, accommodation, furniture fittings and kitchenware. However, those benefits cannot be transferred to money. Based on content analysis made on primier and secunder data, this paper tries to answer three questions. Firstly, does the MBB include in the category of anything relating to payroll? Secondly, why does MBB should pay the alms giving of payroll incomes? Thirdly, how is the accounting of alms giving incomes towards MBB done based on practice at the Inland State Revenue?

Keywords: Zakat Accounting, Payroll, Fatwa, Benefit in Kind, Zakat

PENGENALAN

Hawl antara isu *fiqh* yang menyebabkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) memfatwakan zakat terhadap pendapatan penggajian tidak diwajibkan.¹ Isu *hawl* ini masih dibincangkan baik dalam forum di peringkat nasional maupun antarabangsa (Luqman

¹ Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perak kali ke 113 pada hari Khamis 22 Mac 1990 bersetuju sebulat pendapat iaitu *al-mal al-mustafad* itu wajib zakat apabila cukup nisab dan *hawl* kerana *hawl* itu merupakan syarat yang diittifaqkan oleh Jumhurul Ulama' dalam mazhab yang empat.

Abdullah et al. 2014). Secara umumnya harta yang diwajibkan zakat boleh dibahagikan kepada dua kategori (Al Yasa' Abubakar 2009). Pertama, dikategorikan sebagai harta simpanan seperti emas, perak barang perniagaan. Kedua, dikategorikan sebagai pendapatan atau penghasilan seperti hasil pertanian, rikaz, perkhidmatan dan perkilangan. Harta dalam kategori pertama diwajibkan zakat apabila cukup nisab dan memenuhi *hawl*. Pendapatan dalam kategori kedua diwajibkan zakat apabila cukup nisab tanpa perlu menenuhi syarat *hawl*.

Syarat *hawl* ini tidak digunakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK). Hal ini disebut secara jelas di mana Jemaah Ulama' MAIK dalam mesyuarat pada 12 September 1999 mengeluarkan fatwa seperti berikut:

“Harta-harta pendapatan yang diperoleh dari usaha sama ada dalam bentuk gaji, elaun, ganjaran, pampasan atau pendapatan pemindahan atau pendapatan yang diperolehi melalui kerjaya yang bercorak profesional, kepakaran atau kemahiran diri adalah diwajibkan zakat apabila cukup nisabnya menurut nisab zakat logam (emas, perak) atau matawang, tanpa syarat *hawl*. Kadar zakatnya ialah 1/40 setelah ditolak perbelanjaan *daruriyyat* yang paling sederhana.”

Perakaunan zakat dalam artikel ini bermaksud menentukan aset atau harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakat terhadap aset tersebut dan membuat taksiran zakat yang patut diwajibkan (Husain Shahatah 2003). Perakaunan zakat penggajian dengan itu bermaksud proses menentukan pendapatan daripada penggajian yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya dan kemudian membuat taksiran zakat yang wajib dibayar oleh seseorang pekerja. Manfaat berupa barang (*benefit in kind*) adalah manfaat yang diberikan kepada seseorang pekerja oleh pihak majikan akan tetapi manfaat itu tidak boleh ditukar kepada wang. Manfaat berupa barang (MBB) yang diterima oleh seseorang pekerja antara lain dalam bentuk kemudahan kenderaan, penginapan, kelengkapan perabut dan peralatan dapur (LHDN 2013).

Di Malaysia, pendapatan penggajian meliputi gaji bulanan, tunggakan gaji, pelbagai elaun seperti elaun kenderaan, makan dan mesyuarat serta lain-lain termasuk bonus atau sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian (JAWHAR 2008). Pendapatan penggajian ini bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan antara negeri di Malaysia. Ada negeri yang menyatakan pendapatan penggajian secara umum seperti gaji pokok, bonus dan elaun, manakala ada yang menyatakannya secara detail. Negeri Pahang misalnya menyatakan secara terperinci yang meliputi gaji, bonus, tuntutan lebih masa, gratuity, pampasan, pencen, hadiah, anugerah dan insetif serta skim pilihan saham pekerja (ESOS).

Apakah MBB termasuk dalam kategori pendapatan yang berkaitan dengan penggajian? Mengapa MBB sepatutnya diwajibkan zakat pendapatan penggajian? Bagaimanakah pula perakaunan zakat penggajian terhadap MBB itu dibuat? Bagi menjawab ketiga-tiga persoalan tersebut, data sekunder dan data primer dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Kertas ini dengan itu dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, menyorot secara ringkas tulisan-tulisan lepas tentang zakat penggajian sebagai latar belakang. Kedua, menerangkan secara ringkas tentang MBB seterusnya menjelaskan prinsip sebagai asas kepada MBB sepatutnya diwajibkan zakat. Ketiga, mencadangkan kaedah alternatif dalam membuat perakaunan zakat penggajian terhadap MBB dengan merujuk kepada kaedah taksiran cukai pendapatan terhadap MBB oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagai asas.

FATWA DAN KAJIAN ZAKAT PENGGAJIAN

Yusuf al-Qaradawi merupakan ulama kontemporari yang paling lantang mewajibkan zakat terhadap penggajian. Malah dikatakan beliau adalah pihak yang memperkenalkan zakat penggajian (Mahmood Zuhdi Abd Majid 2003). Namun begitu, menurut Yusuf al-Qaradawi (2006) sendiri, zakat penggajian ini telah diperkatakan oleh guru-guru beliau seperti Abdul Rahman Hasan, Muhammad Abu Zahrah dan Abd. Wahab Khallaf. Idea itu sebenarnya telah dibangkitkan oleh ulama-ulama terdahulu seperti Ibn Hazm dalam *al-Muhalla*, Ibn Qudamah dalam *al-Mughni* dan Kahlani dalam *Subul al-Salam* (Mahmood Zuhdi Abd Majid 2003).

Di Malaysia, Abdul Rashid Dail (1979) adalah cendekiawan terawal membahaskan zakat penggajian. Menurut beliau, pada ketika itu tiada usaha untuk memberi penjelasan kepada masyarakat tentang kefarduan zakat penggajian. Malah pihak MAIN sendiri tidak mengeluarkan apa-apa keputusan tentang zakat pendapatan penggajian. Pada akhir tahun 1992 barulah fatwa terhadap zakat penggajian dikeluarkan. Ini diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah mengeluarkan fatwa bahawa umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan penggajian.

Fatwa itu telah diperkemaskan lagi dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 22 Jun 1997 yang memutuskan zakat terhadap pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat. Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-56 yang bersidang pada 7 Mei 2003 seterusnya menyebut secara nyata atas pengiraan zakat penggajian adalah berdasarkan kepada pendapatan kasar setahun pada kadar 2.5 peratus daripada jumlah pendapatan tersebut.

Fatwa mewajibkan zakat penggajian ini kemudian turut dibuat di peringkat negeri. Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sarawak pada 23 November 1996 misalnya telah sebulat suara memutuskan bahawa gaji, tunggakan gaji, pelbagai elauan dan lain-lain pendapatan yang berkaitan dengan penggajian setelah ditolak keperluan asas, pembiayaan kerja, hutang dan apa-apa pembiayaan yang menjadi sebab sebenar pembiayaan seseorang itu apabila cukup nisabnya adalah wajib dizakat.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 16 Mac 1999 turut memutuskan pendapatan penggajian sama ada kakitangan kerajaan, badan berkanun, syarikat atau institusi perniagaan adalah diwajibkan zakat. Pendapatan penggajian itu meliputi gaji pokok serta lain-lain yang dikira sebagai imbuhan tetap sahaja dan ia tidak termasuk imbuhan berubah. Zakat diwajibkan ke atas pendapatan bersih setelah ditolak perbelanjaan *daruriyat*, iaitu keperluan asasi yang paling sederhana untuk diri dan keluarga di bawah tanggungannya menurut hukum Syarak.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 17 April 2000 telah memutuskan pendapatan penggajian diwajibkan zakat ke atas pendapatan bersih setelah ditolak keperluan asas pada tahun semasa meliputi diri sebanyak RM8,000.00, isteri sebanyak RM3,000.00, anak sebanyak RM1,000.00 seorang, mereka yang di bawah tanggungannya, perubatan dan pendidikan masing-masing pada kadar sebenarnya dan yang munasabah. Fatwa terhadap zakat pendapatan yang diputuskan oleh MAIN di Malaysia banyak dipengaruhi oleh pemikiran Yusuf al-Qaradawi.²

² Misalnya fatwa di negeri Melaka yang diputuskan pada 22 Mei 2000 antara lain menyebut, Dr. Yusuf al-Qaradawi walaupun pada peringkat awalnya mengemukakan alasan secara nas dalam konsep *al-mal al-mustafad* tetapi akhirnya beliau kembali kepada konsep *maslahah* seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Muhammad Abu Zuhrah.

Kajian tentang zakat penggajian di Malaysia pula dibuat melalui dua pendekatan. Pertama ialah pendekatan kuantitatif yang berfokus antara lain kepada kesedaran dan kepatuhan pembayar zakat penggajian. Kedua ialah pendekatan kualitatif yang berfokus antara lain kepada persoalan fiqh seperti kefarduan, nisab dan *hawl* zakat penggajian. Antara kajian melalui pendekatan kuantitatif ialah kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. Menurut misalnya Hairunnizam Wahid et al. (2007), kesedaran membayar zakat dipengaruhi oleh faktor demografi dan mekanisme pembayaran zakat iaitu melalui potongan gaji bulanan. Mohd Ali Mohd Nor et al. (2004) pula mendapati kesedaran membayar zakat penggajian dalam kalangan profesional di Universiti Kebangsaan Malaysia dipengaruhi oleh faktor iman dan pengetahuan agama.

Nur Azura Sanusi et al. (2005) yang membuat kajian dalam kalangan staf di Universiti Utara Malaysia (UUM) turut berkongsi faktor-faktor tersebut. Dapatkan oleh Nur Barizah Abu Bakar dan Hafiz Majdi Abdul Rashid (2010) dalam kalangan ahli akademik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) juga berkongsi faktor yang sama. Teh Suhaila Tajudin et al. (2015) mendapati kefahaman dan kemudahan mempengaruhi golongan muda di Lembah Klang membayar zakat penggajian.

Kamil Md. Idris (2002) telah mengkaji secara mendalam faktor penentu kepatuhan zakat pendapatan penggajian di negeri Kedah. Beliau antara lain menyebut betapa perlunya penguatkuasaan yang lebih tegas bagi meningkatkan komitmen pembayar zakat dalam menunaikan zakat penggajian. Zainol Bidin (2008) pula telah menganalisis faktor-faktor penentu gelagat kepatuhan zakat gaji di Malaysia. Beliau mendedahkan beberapa faktor dalaman dan luaran individu yang mempengaruhi niat untuk membayar zakat penggajian. Antara faktor-faktor tersebut ialah pengetahuan, kekesanan diri dan persepsi terhadap undang-undang zakat penggajian.

Kajian Fidlizan Muhammad et al. (2015) mendapati tahap kepatuhan membayar zakat penggajian yang melebihi 80 peratus adalah untuk gaji dan elauan bulanan, manakala lebih daripada 70 peratus tidak membayar zakat terhadap bayaran program eksekutif, pemeriksa kertas, aktiviti penyelidikan, khidmat kepakaran, tunggakan gaji dan upah lebih masa.

Antara kajian melalui pendekatan kualitatif terhadap kefarduan, nisab, *hawl* dan kadar zakat penggajian pula telah dibuat oleh Abdul Rashid Dail (1979). Beliau membahaskan asas kefarduan zakat penggajian, isu *hawl* dan kos sara hidup yang dibenarkan secara terperinci. Isu yang sama turut dibahas oleh Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003) dalam bukunya berjudul *Pengurusan Zakat*. Kajian secara mendalam terhadap semua isu itu telah dibuat Mujaini Tarimin (1995) dalam sebuah kajian berjudul *Zakat Penggajian Satu Penilaian Terbaru di Malaysia*. Di samping itu, beliau turut menyorot hujah kefarduan zakat penggajian yang dikategorikan sebagai *al-mal al-mustafad* berdasarkan al-Quran, Hadis, amalan sahabat dan aplikasi qiyas.

Isu *hawl* dan kadar zakat penggajian masih dibincangkan di Malaysia. Satu penilaian secara kritikal dari perspektif fiqh terhadap kedua-dua isu telah dibuat oleh Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef (2008). Penilaian turut telah dibuat oleh Luqman Abdullah et al. (2014) melalui kajian berjudul *Zakat on Salary and Wages: the Unsettled Juristic Issues*. Zahri Hamat (2015) sebaliknya mempersoalkan mengapa zakat pendapatan penggajian diwajibkan pada kadar 2.5 peratus bukannya antara 5 peratus ataupun 10 peratus. Hal ini kerana zakat berasaskan pendapatan adalah 5 peratus, 10 peratus ataupun 20 peratus masing-masing untuk hasil pertanian dan rikaz.

Zahri Hamat (2015) turut mempersoalkan tiada alasan zakat terhadap MBB di Malaysia tidak diwajibkan. Hal ini ditimbul oleh beliau dalam artikel berjudul *Manfaat Berupa Barang*

(MBB): *Sumber Terabai dalam Perakaunan Zakat Penggajian di Malaysia*. Fatin Alia Zahri (2017) kemudian membahaskan MBB dengan lebih detail dalam kajian beliau berjudul *Perakaunan Zakat Pendapatan terhadap Manfaat Berupa Barang (MBB) di Malaysia*. Beliau membuat rumusan bahawa majoriti cendekiawan di Malaysia berpendapat bahawa MBB sepatutnya diwajibkan zakat.

MANFAAT BERUPA BARANGAN DI MALAYSIA

Pendapatan penggajian yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tidak menerangkan maksud pendapatan yang diwajibkan zakat. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 9 Disember 1992, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 22 Jun 1997 dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 7 Mei 2003 sekadar menyebut zakat penggajian diwajibkan ke atas pendapatan kasar setahun pada kadar 2.5% daripada jumlah pendapatan tersebut.

Keputusan fatwa di peringkat negeri bagaimanapun menjelaskan apa yang dimaksudkan pendapatan penggajian dengan lebih detail. Fatwa Negeri Sarawak pada 23 November 1996 misalnya menyebut pendapatan penggajian meliputi gaji gaji, tunggakan gaji, pelbagai elaun dan lain-lain pendapatan yang berkaitan dengan penggajian. Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 16 Mac 1999 menyebut pendapatan penggajian meliputi gaji pokok serta lain-lain yang dikira sebagai imbuhan tetap sahaja.

Dalam *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2008 menyebut seperti berikut:

“Pendapatan penggajian merangkumi gaji bulanan, tunggakan gaji, pelbagai elaun seperti elaun kenderaan, makan dan mesyuarat serta lain-lain termasuk bonus atau sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian.”

Maksud zakat pendapatan penggajian ini turut diterangkan dalam laman sesawang di institusi zakat negeri-negeri di Malaysia. Di Zakat Pulau Pinang misalnya menyebut maksud pendapatan penggajian sama seperti yang disebut dalam manual yang dikeluarkan oleh JAWHAR. Di Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan menerangkan maksud zakat penggajian bersama dengan pendapatan lain seperti dividen, sewaan, royalti, hibah, honorarium dan perniagaan. Dengan kata lain, maka dapatlah dirumuskan bahawa penggajian bermaksud gaji, upah, bonus, elaun, pampasan, pencen, dan lain-lain bentuk perolehan semasa hidup, bersara atau mati dan apa jua pendapatan berdasarkan kerjaya.

Pusat Zakat Pahang menyebut penggajian bermaksud segala pendapatan yang diperoleh seseorang daripada majikannya hasil daripada usaha atau pekerjaan yang dilakukan untuk majikannya sama ada semasa berkhidmat, selepas berkhidmat atau selepas kematiannya (pencen terbitan) gaji, bonus, tuntutan lebih masa, gratuity, pampasan, pencen, hadiah, anugerah dan insentif serta skim pilihan saham pekerja (ESOS).

Pada amnya terdapat kesepakatan bahawa pendapatan penggajian meliputi apa-apa yang diterima berkaitan dengan penggajian. Ini termasuklah *lain-lain yang dikira sebagai imbuhan tetap sahaja* (Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan), *lain-lain pendapatan yang berkaitan dengan penggajian* (Fatwa Negeri Sarawak), *segala pendapatan yang diperoleh seseorang daripada majikannya hasil daripada usaha atau pekerjaan yang dilakukan untuk majikannya* (Pusat Zakat Pahang), *pendapatan yang berkaitan dengan penggajian* (Zakat Pulau Pinang) dan *lain-lain bentuk perolehan semasa hidup, bersara atau mati dan apa jua pendapatan berdasarkan kerjaya* (Pusat Pungutan Zakat Wilayah

Persekutuan). Semua maksud tersebut dapatlah dirumuskan sebagai sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian (JAWHAR, 2008). Dengan kata lain, apa jua yang diterima yang ada kaitannya dengan penggajian, maka terimaan diklasifikasikan sebagai pendapatan daripada penggajian.

Berdasarkan kenyataan itu, maka bolehlah dinyatakan bahawa MBB sebahagian daripada pendapatan penggajian. Hal ini kerana MBB disediakan oleh majikan kepada pekerja dan disebut secara nyata dalam kontrak pekerjaan masing-masing. MBB biasanya disediakan oleh majikan antara lain dalam bentuk kemudahan kenderaan, penginapan, kelengkapan perabut dan peralatan dapur. MBB itu bagaimanapun diberikan berupa manfaat yang hanya boleh dinikmati oleh pekerja berkenaan dan MBB itu pula tidak boleh ditukar kepada wang. Persoalannya, mengapakah MBB sepatutnya diwajibkan zakat walaupun pekerja hanya dapat menikmati manfaat dan bukannya diberi dalam bentuk wang?

Bagi menjawab persoalan tersebut, pendapat cendekiawan dalam bidang zakat telah diteroka. Pertama, cendekiawan yang mengkaji tentang perakaunan zakat iaitu Dr. Ram Al-Jefri Saad dari Universiti Utara Malaysia, Dr. Wan Anisah Endut dari Universiti Sultan Zainal Abidin dan Dr. Irfan dari Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara (Kumpulan A). Kedua, cendekiawan yang mengkaji tentang fiqh zakat iaitu Dr. Ridwan Nurdin dari Universiti Islam Negeri al-Raniry, Dr. Jasni Sulong dari Universiti Sains Malaysia dan Dr. Hasanah Abd. Khafidz dari Universiti Kebangsaan Malaysia (Kumpulan B). Ketiga, cendekiawan dari institusi zakat iaitu Dr. Amiruddin Muhammed dari Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Mohamad Noor Sahidi Johari dari Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, manakala Nor Diana Anas adalah dari Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu (Kumpulan C).

Dapatkan mempamerkan majoriti cendekiawan berpendapat MBB sepatutnya diwajibkan zakat. Hal ini berdasarkan tiga prinsip berikut. Pertama adalah prinsip kekayaan; kedua adalah prinsip keadilan; dan ketiga adalah prinsip objektif Syariah. Kekayaan adalah terdiri daripada harta dalam bentuk fizikal seperti tanah, rumah, ternakan dan saham serta pendapatan seperti hasil pertanian, perniagaan dan penggajian. Seorang cendekiawan berpendapat bahawa pendapatan bukan sahaja merangkumi pendapatan dalam bentuk kewangan, tetapi ia turut merangkumi pendapatan bukan dalam bentuk kewangan (Kumpulan B). Secara lebih khusus, seorang cendekiawan menyebut pendapatan bukan dalam kewangan itu bukan sahaja meliputi MBB, malah meliputi manfaat tambang percutian. Beliau antara lain menyebut:

“Zakat dikenakan ke atas pendapatan penggajian, manfaat dan tempat tinggal. Contohnya gaji, ganjaran, manfaat berupa barang (MBB) dan manfaat tambang percutian” (Kumpulan C).

Pendapatan yang diwajibkan zakat dengan itu dapat dirumuskan sebagaimana disebut seorang cendekiawan seperti berikut:

“Zakat pendapatan dikenakan kepada semua bentuk pendapatan. Oleh sebab itu, ia bukan sahaja pendapatan dalam bentuk kewangan tetapi juga pendapatan bukan dalam bentuk kewangan seperti pelbagai kemudahan ataupun manfaat” (Kumpulan A).

Inilah yang disebut tentang kekayaan wajib zakat dalam al-Quran dan hadis. Dalam bentuk umum, al-Quran menyebut perkataan *sebahagian harta* (al-Taubah 9: 103) atau *harta-harta* (al-Dhariyat 51: 19). Dalam bentuk khusus pula, al-Quran menyebut harta-harta seperti emas dan perak (al-Taubah 9: 34), pendapatan pertanian (al-An'am 6: 141), pendapatan

perniagaan dan hasil galian (al-Baqarah 2: 267).³ Yusuf al-Qaradawi (2006) pula membuat rumusan seperti berikut:

“Oleh kerana itu saya berpendapat bahawa keumuman ayat-ayat dan hadis-hadis harus diperhatikan dan diterima sebagai adanya, selama tidak terdapat dalil lain yang benar dan tegas menunjukkan ia berlaku khusus, bila terjadi demikian barulah kita boleh mendahulukan yang khusus daripada yang umum”.⁴

Kedua ialah prinsip keadilan di mana golongan kaya diwajibkan membayar zakat, manakala golongan miskin tidak diwajibkan zakat. Oleh sebab itulah kekayaan daripada golongan berada (kaya) perlu diagihkan kepada golongan miskin. Hal ini dilaporkan oleh Imam Bukhari daripada Rasulullah SAW telah memberi peringatan ketika mengutuskan Muadh b. Jabal ke Yaman. Beliau berpesan yang bermaksud:

“...Allah memfardhukan kepada mereka menunaikan zakat pada harta mereka. Harta itu diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin dalam kalangan mereka” (al-Bukhari No. 478).

Seorang cendekiawan berpendapat bahawa sekiranya MBB boleh dinilai dan memenuhi ciri-ciri harta kekayaan, maka ia boleh diwajibkan zakat (Kumpulan B). Malah seorang cendekiawan lain menyebut, oleh sebab MBB itu mempunyai nilai, maka ia perlu diwajibkan zakat. Beliau antara lain menyebut:

“Setuju sekiranya MBB ditaksirkan dalam perakaunan zakat. MBB merupakan satu kemudahan yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya” (Kumpulan A).

Seorang cendekiawan lain menegaskan bahawa walaupun MBB merupakan manfaat, namun MBB sebenarnya mempunyai nilai dan boleh dinilai untuk ditaksir pendapatan yang diwajibkan zakat dalam bentuk kewangan. Beliau merumuskan seperti berikut:

“...MBB boleh dinilai mengikut jangka hayat sesuatu manfaat. Jangka masa pekerja menikmati manfaat tersebut sama ada atas kepentingan kerja atau kepentingan peribadi, beliau mempunyai hak mutlak ke atas manfaat itu” (Kumpulan C).

Allah SWT telah memberi peringatan kepada golongan kaya seperti firman-Nya yang bermaksud:

“Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian” (al-Dhariyat 51: 19).⁵

³ Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: “Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha mu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”

⁴ Menurut Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), meskipun al-Quran menyebut harta-harta tertentu diwajibkan zakat (al-Taubah 9: 34; al-An'am 6: 141; dan al-Baqarah 2: 267) tetapi tidak ada apa-apa kenyataan yang secara bersama menghadkan pengertian umum yang terdapat dalam ayat-ayat 19 surah al-Dhariyat dan 103 surah al-Taubah. Menurut beliau lagi, ayat-ayat tersebut hanya menerangkan beberapa jenis harta yang diwajibkan zakat tetapi ia tidak bermakna harta-harta lain tidak diwajibkan zakat.

⁵ Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: “Makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam itu) bila dia berbuah dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya” (al-An'am 6: 141).

Apatah lagi pendapatan dalam bentuk kewangan digunakan antara lain untuk mendapatkan manfaat seperti untuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan. Jika tidak digunakan untuk mendapat semua manfaat tersebut, maka pendapatan penggajian itu akan disimpan ataupun dilaburkan ataupun kedua-duanya sekali. Oleh yang demikian, berdasarkan prinsip keadilan, maka adalah tidak munasabah pekerja yang menerima pendapatan penggajian dalam bentuk manfaat dikecualikan zakat, sedangkan pekerja yang menerima pendapatan dalam bentuk wang diwajibkan zakat (Kumpulan B).

Ketiga, berdasarkan prinsip *al-Maqasid Syariah*. Ulama *usul fiqh* telah mentakrifkan *maqasid al-Syariah* sebagai objektif yang dikehendaki Syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi kemaslahatan umat manusia.⁶ Dengan kata lain, *maqasid al-Syariah* bermaksud objektif yang dikehendaki oleh Syarak melalui sumber al-Quran dan al-Sunnah.

Seorang cendekiawan berpendapat bahawa objektif utama zakat ialah untuk membersih dan menyucikan kekayaan serta akhlak pihak *muzakki* iaitu pembayar zakat. Hal ini disebut oleh Allah dalam surah al-Taubah ayat 103. Beliau antara lain mengatakan:

“Saya berpendapat objektif zakat ialah seperti firman Allah - Ambillah zakat daripada sebahagian harta (*amwal*) mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka, dan mendoakan untuk mereka - yang lain seperti mengatasi kemiskinan dan mewujudkan keadilan sosio ekonomi merupakan kesan daripada pengagihan zakat” (Kumpulan B).

Ini disokong oleh seorang lagi cendekiawan (Kumpulan C). Menurut beliau, jika *maqasid al-Syariah* adalah untuk membersih dan menyucikan kekayaan itu diambil kira, maka seharusnya MBB itu turut diwajibkan zakat. Dengan itu, MBB yang dinikmati itu dapat dibersih dan disucikan. Di samping itu, dalam MBB yang diterima itu ada hak golongan asnaf yang perlu ditunaikan. Malah seorang cendekiawan merumuskan isu MBB ini seperti berikut:

“Jika majikan telah menyediakan semua keperluan pekerjanya, maka apa-apa pendapatan dalam bentuk wang yang diterima itu tidak akan belanjakan. Wang itu akan disimpan ataupun dilaburkan. Oleh itu, jika wang tunai sahaja yang diwajibkan zakat, maka itu amat tidak adil kepada pekerja lain yang menerima semua pendapatannya dalam bentuk wang tunai dan diwajibkan zakat (Kumpulan A)”.

Namun, cendekiawan membangkitkan antara syarat harta atau pendapatan yang diwajibkan zakat ialah hak milik sempurna. Dalam hal MBB, harta tersebut adalah hak milik majikan, manakala manfaat sahaja yang menjadi milikan pekerja. Seorang cendekiawan merumuskan seperti berikut:

“Syarat bagi pendapatan yang boleh dikenakan zakat antaranya ialah *al-mulk al-tam* iaitu milikan sempurna. Maksudnya, hanya pendapatan wang atau pendapatan berbentuk harta yang diterima oleh seseorang pekerja yang menjadi milik sempurna beliau sahaja boleh dikenakan zakat pendapatan (Kumpulan B)”.

⁶ Dengan memetik pendapat Shatibi, Yusuf al-Qaradawi (2006) yang telah mengingatkan satu penanda aras penting seperti berikut: “Dasar dalam ibadat, dipandang dari segi orang yang dibebani hukum, adalah melakukan ibadat itu tanpa harus melihat maksudnya, sedangkan dasar tradisi muamat alat adalah melihat maksud tradisi tersebut.”

Ini bermaksud dengan mempunyai hak milik sempurna, maka pemiliknya bukan sahaja mempunyai hak terhadap harta tersebut tetapi juga mempunyai kuasa untuk menguruskan harta berkenaan. Dalam kes MBB, pemilik mempunyai hak milik sempurna terhadap manfaat harta yang disediakan, manakala harta tersebut adalah menjadi hak milik majikan. Persoalannya, apakah manfaat yang dinikmati adalah harta kerana harta itu sendiri tidak menjadi harta apabila tidak mempunyai manfaat? Persoalan ini memerlukan kajian mendalam yang melibat pelbagai pihak, khususnya pihak Majlis Agama Islam Negeri sendiri.

MBB DAN IKTIBAR DARI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

MBB ini telah diterangkan secara terperinci oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui Ketetapan Umum No. 3/2013 bertarikh 15 Mac 2013. Ketetapan ini diterbitkan adalah untuk menggabungkan Ketetapan Umum No. 2/2004 yang dikeluarkan pada 8 November 2004 dengan Tambahan kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 20 Mei 2005, Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 17 Januari 2006, Tambahan Ketiga kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 17 April 2009, Tambahan Keempat kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 19 April 2010 dan Ketetapan Cukai Pendapatan 1997/2 bertarikh 25 Ogos 1997.

Keadaan ini mempamerkan bahawa betapa dinamiknya perkembangan MBB itu sendiri. MBB diwajibkan cukai berdasarkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Perenggan-perenggan yang berkaitan dengan MBB adalah seperti berikut:

- Perenggan 13(1)(b) - yang memperuntukkan bahawa MBB adalah sebahagian daripada pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja,
- Subseksyen 32(1) - bagi menentukan amaun MBB yang akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja, dan
- Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 -[P.U. (A) 152/2009].

Perenggan 13(1)(b), ACP 1967 memperuntukkan bahawa pendapatan kasar seseorang pekerja daripada sesuatu punca penggajian termasuk juga mana-mana amaun yang bersamaan dengan nilai MBB yang disediakan bagi pekerja tersebut oleh majikannya untuk dinikmati secara peribadi oleh pekerja tersebut.

MBB ini adalah manfaat yang tidak boleh ditukar kepada wang. Maksud tidak boleh ditukar kepada wang adalah apabila manfaat itu diberikan kepada pekerja, ia tidak boleh dijual, diserah hak atau ditukarkan dengan wang tunai. Di LHDN terdapat dua kaedah boleh digunakan bagi menentukan nilai MBB yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya. Pertama, kaedah formula; dan kedua kaedah nilai ditetapkan. Perkiraan nilai MBB dengan menggunakan kaedah formula adalah seperti berikut:

$$\text{Nilai manfaat setahun} = \frac{\text{kos asset yang diperuntukkan sebagai manfaat/kemudahan}}{\text{Purata jangka hayat aset yang ditetapkan}}$$

Misalnya seorang pekerja diberikan kemudahan sebuah peti sejuk. Kos peti sejuk tersebut adalah RM2,000 dan purata jangka hayatnya yang ditetapkan adalah 10 tahun. Berdasarkan formula di atas, nilai tahunan MBB bagi peti sejuk ialah RM200 iaitu RM2,000/10. Maka amaun RM200 ini hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian pekerja dan amaun ini hendaklah dilaporkan sebagai pendapatan penggajian tahunan.

Perkiraan nilai MBB dengan menggunakan kaedah nilai ditetapkan pula, pihak LHDN telah membuat satu Jadual Nilai yang boleh digunakan sebagai alternatif bagi menentukan nilai MBB yang disediakan oleh majikan kepada pekerja. Untuk perkiraan kenderaan dan petrol misalnya adalah seperti berikut:

Jadual 1 Nilai yang ditetapkan untuk kereta dan manfaat lain yang berkaitan

Kos Kereta (Baru) RM	Manfaat Setahun Yang Ditetapkan untuk Kereta RM	Manfaat Setahun Yang Ditetapkan untuk Petrol RM
Sehingga 50,000	1,200	600
50,001-75,000	2,400	900
100,001-150,000	5,000	1,500
150,001-200,000	7,000	1,800
200,001-250,000	9,000	2,100
250,001-350,000	15,000	2,400
350,001-500,000	21,250	2,700
500,001 dan ke atas	25,000	3,000

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri (2013: 28)

Jadual 1 memperlihatkan bahawa sekiranya kos kenderaan tersebut adalah antara RM100,001 hingga RM150,000, nilai manfaat setahun adalah sebanyak RM7,000 dan nilai manfaat untuk petrol adalah sebanyak RM1,500. Nilai MBB berdasarkan kaedah nilai yang ditetapkan itu boleh dikurangkan jika MBB itu:

- (a) Disediakan bagi tempoh kurang dari setahun, atau/dan
- (b) Dikongsi dengan pekerja lain.

Perkiraan MBB lain seperti pemandu, kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan misalnya boleh dirujuk secara terperinci Ketetapan Umum No. 3/2013 bertarikh 15 Mac 2013. Kaedah mana yang digunakan dalam menentukan nilai manfaat yang disediakan dan asas untuk mengira manfaat (sama ada kaedah formula atau kaedah nilai yang ditetapkan) mestilah digunakan secara konsisten sepanjang tempoh peruntukan manfaat tersebut. Kaedah-kaedah ini bolehlah diambil sebagai iktibar untuk perakaunan zakat pendapatan penggajian terhadap MBB.

RUMUSAN

Zakat terhadap MBB agak kurang diambil perhatian sama ada oleh masyarakat maupun institusi zakat di Malaysia. Malah menurut Fidlizan Muhammad (2015),⁷ setakat ini beliau tidak menemui tulisan yang membincangkan tentang kefarduan zakat terhadap MBB. Walhal MBB itu adalah sebahagian daripada pendapatan penggajian. Perbahasan secara berterusan adalah diperlukan berdasarkan tiga prinsip berikut. Pertama ialah prinsip kekayaan - setiap kekayaan adalah diwajibkan zakat (al-Baqarah 2: 267); kedua, prinsip keadilan - supaya agihan harta itu dapat diambil daripada orang kaya diberikan kepada orang miskin dalam kalangan

⁷ Hal ini telahpun dijelaskan kepada penulis semasa sesi soal jawab ketika beliau membentangkan kertas berjudul *Analisis Kepatuhan Menghitung Zakat Berdasarkan Sumber Pendapatan* dalam Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015 bertempat di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 6 hingga 7 Oktober 2015.

mereka dapat dilaksanakan (al-Bukhari, No. 478). Ketiga ialah prinsip *maqasid al-syariah* atau objektif zakat - untuk membersih serta menyucikan kekayaan dan akhlak orang Islam dapat direalisasikan (al-Taubah 9: 103). Justeru, seharusnya diambil perhatian bahawa harta menurut Islam bukan sahaja dalam bentuk benda tetapi juga bukan benda. Misalnya hak dan manfaat. Malah dalam kalangan fuqaha' selain daripada mazhab Hanafi menganggap manfaat sebagai harta. Menurut mereka, maksud atau tujuan benda-benda adalah manfaatnya bukan zatnya. Hal ini kerana berlakunya kawalan dan pemilikan ke atas manfaat (Md. Yazid Ahmad & Ilnor Azli Ibrahim 2006).

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia - 304/PSOSIAL/6313317

RUJUKAN

- Abdul Rashid Dail. 1978. Zakat gaji dan pendapatan bebas: Satu analisa tentang strukturnya. *Islamiyat* 2: 0126-5636.
- Abdul Wahab Khallaf. 1971. *Ringkasan Sejarah Perundungan Islam*. Terj. Abu Bakar Hamzah. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Al Yasa' Abubakar. 2009. Kebijakan pemerintah di bidang pemberdayaan zakat. *Islam Futura* 8(1): 1-26.
- Fatin 'Alia Zahri. 2017. Perakaunan zakat pendapatan terhadap manfaat berupa barang (MBB) di Malaysia. Disertasi Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin & Norhaizah Saidin. 2015. Analisis kepatuhan menghitung zakat berdasarkan sumber pendapatan. Dlm. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman & Mohammad Taqiuddin Mohamad (pnyt.). *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2007. Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *Islamiyat* 29: 53-70.
- Husain Shahatah. 2003. *Kaedah Agihan Zakat Harta, Pengertian, Sistem dan Agihannya*. Terj. Hamid Fahmy Zarkasyi & Harun Ar-Rashid Hj. Tuskan. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). 2008. *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Kamil Md. Idris. 2002. Faktor penentu zakat ke atas pendapatan penggajian di negeri Kedah. Tesis Ph.D, Universiti Utara Malaysia.
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). 2013. Manfaat berupa barang. *Ketetapan Umum No. 3/2013* bertarikh 15 Mac 2013.
- Luqman Abdullah, Wan Marhaini Wan Ahmad & Wan Zulkifli Wan Hassan. 2014. Zakat on salary and wages: the unsettled juristic issues. Kertas kerja *International Conference of Global Islamic Studies 2014*. Anjuran Salford Business School, University of Salford & Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia & British Muslim Heritage Centre. Manchester, 5 Jun.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Yazid Ahmad & Ilnor Azli Ibrahim. 2006. Konsep harta menurut perspektif undang-undang Islam dan undang-undang sivil: satu tinjauan. *Jurnal Pengajian Umum* 7: 124-138.
- Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef. 2008. Debatable issues in fiqh al-zakat: a jurisprudential appraisal. *Jurnal Fiqh* 5: 118-141.
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Mod. Nor. 2004. Kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyat* 26(2): 59-68.

- Nur Azura Sanusi, Norazlina Abd. Wahab & Nor Fadzlin Muhammad Bahar. 2005. Gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan: kajian kes UUM. Kertas kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, 29-30 Ogos.
- Nur Barizah Abu Bakar & Hafiz Majdi Abdul Rashid. 2010. Motivations of paying zakat on income: evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance* 2(3): 76-84.
- Teh Suhaila Tajudin, Aza Shahnaz & Noraini Shamsuddin. 2016. *Zakah* Compliance behaviour on income among muslim youth in Klang Valley. *Jurnal Syariah* 24(3): 445 - 464.
- Yusuf al-Qaradawi. 2006. *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Akhamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zahri Hamat. 2015. Manfaat Berupa Barang (MBB): sumber terabai dalam perakaunan zakat penggajian di Malaysia. Dlm. Abd Halim Mohd Noor & Mohamed Saladin Abdul Rasool (pnyt.). *Fiqh Zakat Adressing Fiqh Zakat Issues in The Contemporary World*. Kuala Lumpur: Institut Zakat Malaysia (IKaZ) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Zainol Bidin. 2008. Faktor-faktor penentu gelagat kepatuhan zakat gaji. Tesis Ph.D, Universiti Utara Malaysia.

Zahri Hamat
zahri@usm.my
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Penang,
Pulau Pinang,
MALAYSIA

Nurul Ilyana Muhd Adnan
ilyana_adnan@ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(2) (2017)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Jabatan Syariah,

Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2017), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 2(2), pages,

<http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>). You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivative Works – you may not alter, transform, or build upon this work.

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 2 Issue: 2

eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2017



Published by:

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



9 770127 788006